

Konsep Muzium Dalam Perspektif Barat dan Isu Kearifan Tempatan Melayu-Islam: Satu Sorotan Awal

Museum Concept from Western Perspectives and The Issues of Local Malay-Islamic Wisdom: A Preliminary Highlight

Ab Halim Ismail^{1*}, Rahimin Affandi Abdul Rahim¹ & Ibrahim Majdi Mohamad Kamil²

¹Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

²Bahagian Falsafah & Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

*Corresponding author: machborn8@gmail.com

Abstrak

Ilmu dan konsep muzium telah berkembang dalam dunia barat khususnya dalam era modenisme. Malah, konsep muzium pada masa kini termasuk di Malaysia banyak dipengaruhi oleh *worldview* Barat. Barat telah menjadikan muzium sebagai pusat kebudayaan dan pelancongan. Perkara ini juga mula mempengaruhi negara-negara lain termasuk Malaysia. Hal ini berlaku apabila negara yang telah dijajah oleh Barat telah dipengaruhi oleh ilmu kolonialisasi. Di Malaysia, meskipun ilmu dan konsep muzium yang bersifat saintifik dilihat bersesuaian dengan konsep muzium masa kini, masalah yang timbul adalah apabila asas ilmu muzium barat ini bersifat positivisme dan sekularisme yang bercanggah dengan ilmu Islam. Perkara ini menyebabkan timbulnya kesedaran bagi mewujudkan ilmu muzium dari sudut kearifan tempatan. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan konsep dekolonisasi iaitu konsep yang merupakan respons terhadap kolonialisasi. Kajian ini juga ingin memfokuskan terhadap konsep muzium dari sudut kearifan tempatan Melayu Islam yang sesuai diaplikasikan dalam konsep dan ilmu muzium di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa Islam bukanlah sebagai agama yang anti-muzium seperti didakwa oleh Barat malah Islam amat menitikberatkan pengumpulan bahan artifak, malah hal ini diamalkan sejak sebelum era penjajahan lagi. Perbezaannya adalah apabila Islam tidak menggunakan konsep museologi yang diperkenalkan Barat. Oleh yang demikian, kajian ini menolak teori bahawa Islam ialah agama yang bersifat anti-muzium dan Islam sebagai agama yang tidak mesra muzium.

Kata kunci: Muzium, kolonialisasi, dekolonisasi, kearifan tempatan, Melayu-Islam

Abstract

Museum knowledge and concepts have developed in the Western world, especially in the era of modernism. In fact, the concept of museums today, including in Malaysia, is greatly influenced by the Western worldview. The West has made museums a centre of culture and tourism. This also began to influence other countries, including Malaysia. This happened when countries that had been colonized by the West were influenced by colonial knowledge. In Malaysia, although knowledge and the scientific concept of museums is seen as compatible

with the current concept of museums, the problem that arises is when the basis of Western Museum knowledge is positivism and secularism which contradicts Islamic knowledge. This has led to the emergence of awareness to create museum knowledge from the perspective of local wisdom. Therefore, this study uses the concept of decolonization, which is a concept that is a response to colonialism. This study also wants to focus on the concept of museums from the perspective of local Malay Islamic wisdom which is suitable for application in the concept and knowledge of museums in Malaysia. This study found that Islam is not a religion that is anti-museum as claimed by the West, rather Islam emphasizes the collection of artefacts, in fact this has been practiced since before the colonial era. The difference is that Islam does not use the concept of museology introduced by the West. Therefore, this study rejects the theory that Islam is a religion that is anti-museum and Islam as a religion that is not friendly to museums.

Keywords: Museum, colonialism, decolonialism, local wisdom, Malay-Islam

Pengenalan

Manusia ialah makhluk Allah yang tergolong dalam hierarki tertinggi berbanding makhluk lain. Manusia dibekalkan dengan akal-budi, wahyu Allah dan pelbagai fitrah anugerah Allah yang memungkinkan manusia membangunkan tamadun ilmu dan fizikal. Buktinya manusia mampu menghasilkan sistem tulisan untuk tujuan komunikasi bagi melengkapkan fungsi manusia. Begitu juga manusia mampu melahirkan pelbagai ciptaan dan karya seni yang bermutu tinggi.

Hasil ciptaan manusia ini dikenali dengan terma kearifan tempatan. Ciptaan ini ditakrifkan sebagai kepandaian masyarakat melahirkan formula atau ilmu dalam bentuk penyelesaian masalah bagi berhadapan dengan cabaran alam. Dalam proses pembentukan kearifan tempatan ini, manusia bukannya bebas bertindak atau menggunakan akalunya tanpa campur tangan daripada Allah. Sejarah mencatatkan bahawa Nabi Idris ialah manusia pertama yang mengajar sistem tulisan dan ilmu sains kepada umat manusia terawal.

Salah satu daripada kearifan tempatan milik manusia ialah institusi muzium. Institusi muzium boleh dianggap sebagai sebuah institusi terpenting dalam dunia moden. Peri pentingnya muzium ini terbukti apabila semua negara di dunia memiliki muzium tersendiri yang memainkan peranan mengumpul, menjaga, merawat, menyelidik dan mempamerkan warisan ketara (*tangible*) dan tak ketara (*intangible*) sejarah sesuatu bangsa. Muzium amat bermanfaat untuk tujuan ilmu dan mendidik anggota masyarakat tentang peri pentingnya warisan sejarah sesuatu bangsa. Kewujudan muzium merupakan salah satu usaha ke arah mengekalkan khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa kita. Koleksi yang bernilai ini merupakan bukti sesuatu peristiwa atau sejarah lampau yang telah berlaku di negara kita. Muzium memainkan peranan yang sangat penting sebagai pusat rujukan dan penyelidikan. Pelbagai kajian dan penulisan didokumentasikan bagi tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat agar mengenali dan mengetahui jati diri bangsa (Ab Samad Kechot 2012).

Kedinamikan Muzium pada Era Moden

Dalam era moden, muzium adalah merupakan institusi yang paling dinamik. Realiti ini terbukti dengan beberapa perkara utama. Pertama, muzium telah menjadi penjana ekonomi negara yang berkesan. Hal ini terbukti dengan wujudnya konsep kluster muzium yang telah menjadi penjana ekonomi dalam bentuk *Cultural Tourisme* bagi sesebuah negara. Seterusnya diikuti dengan langkah setiap negara dunia mempunyai kementerian pelancongan yang tersendiri. Contohnya, muzium *Bilbao Guggenheim* dan muzium *The Louvre* di Perancis yang telah berjaya

menjadikan bandar raya *Basque* dan Paris sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia. Di Asia pula, *National Museum of China* di Beijing telah mencatatkan kunjungan lapan juta pengunjung pada tahun 2018. Hal yang sama berlaku di Shanghai apabila Muzium Sains dan Teknologi di Shanghai yang menerima seramai 6.4 juta pengunjung pada tahun 2018. Di Korea Selatan pula, muzium kebangsaan negara mencatatkan seramai 3.3 juta pengunjung. Di Jepun pula, pada tahun 2018, tiga buah muzium iaitu *The Tokyo Metropolitan Art Museum*, *National Art Center*, *National Museum of Nature and Science* telah menerima seramai 7.8 juta pengunjung. Fakta ini jelas menunjukkan bahawa produk muzium dapat menjadi penjana utama perkembangan pelancongan warisan di sesebuah negara (ShawHong SER 2020).

Kedua, binaan dan kerangka epistemologinya difahami oleh kalangan ilmuannya. Mengikut Jesu'S-Pedro Lorente (2012), disiplin museologi mempunyai sejarah yang panjang iaitu zaman penjajahan dan pasca-kolonial. Selama tempoh masa ini, disiplin museologi telah melalui proses pembentukan asas, pemantapan, *reviewing* dan penambahbaikan yang berterusan. Ketiga, disiplin museologi sentiasa disemak untuk tujuan penambahbaikan yang berterusan di peringkat institusi pengajian tinggi. Dalam soal ini, hasil usaha *review* iaitu pembaikan dikumpulkan dalam koleksi khusus bagi rujukan penyelidik apabila diperlukan (Ahmad Farid Abd Jalal 2017).

Keempat, disiplin museologi mempunyai badan induk khusus yang menaungi kesemua muzium di seluruh dunia membabitkan muzium-muzium di negara maju, sedang membangun dan mundur. Sejak 1946, *International Council of Museum (ICOM)* telah memainkan peranan utama dalam bidang permuziuman antarabangsa. ICOM terlibat dalam memperkenalkan pelbagai program penambahbaikan muzium yang sepatutnya. ICOM juga mengambil kira aspirasi kesemua negara ahli.

Kelima, wujudnya kod etika muzium yang dihasilkan oleh ICOM. kod etika muzium tersebut dibuat secara kolektif, kritikal dan berterusan (sentiasa terbuka) yang mengambil kira perkembangan pendekatan, falsafah dan ilmu semasa. Perkara yang jelas di sini adalah bahawa kod etika muzium tidak bersifat statik tetapi sentiasa disemak dan diperbaiki oleh pakar dalam setiap pertemuan ICOM. Mengikut Ahmad Farid Abd Jalal (2021), kod etika telah menjadi garis panduan yang mengatur dan memimpin kegiatan permuziuman dunia. ICOM bertindak sebagai badan akreditasi atau rakan sekerja (*peer group*) yang memimpin dan memantau kegiatan permuziuman dunia. Etika muzium ini agak komprehensif yang mengatur kegiatan muzium di peringkat pembentukan institusi, pemilihan ahli, pemerolehan dan penjagaan koleksi, perkhidmatan kepada masyarakat, penyelidikan, pendidikan dan pameran.

Pengaruh *Worldview* Barat dalam Disiplin Muzium

Secara relatif, adalah benar bahawa muzium berasal daripada budaya Eropah yang ditiru oleh masyarakat bekas tanah jajahan. Terdapat tiga institusi memori iaitu perpustakaan, arkib dan muzium yang bertanggungjawab sebagai repositori yang menjaga keilmuan awam. Repositori ini merujuk kepada perpustakaan, arkib dan muzium. Sarjana moden turut memasukkan peranti perpustakaan digital yang membekalkan maklumat sejarah dan memori kemanusiaan. Maklumat ini dapat digunakan oleh generasi manusia untuk memahami sejarah dan jati diri mereka (Howard 2015). Lebih penting lagi maklumat sejarah ini bakal membantu mereka memahami tiga dimensi sejarah secara sekali gus, iaitu dimensi telah lalu dan dimensi sekarang. Dua dimensi ini kemudiannya akan digunakan untuk meramal dimensi ketiga iaitu dimensi akan datang (Byrne 2015).

Kelangsungan institusi memori ini dalam masyarakat Eropah melambangkan wujudnya budaya ilmu dalam masyarakat Eropah. Institusi memori ini bertepatan dengan pandangan bahawa tamadun yang dibina atas dasar budaya ilmu akan berdiri kukuh dan mampu bertahan lama. Mengikut Hedstrom & King (2003), kewujudan institusi memori ini telah melahirkan

tamadun *renaissance*, *enlightenment* dan Revolusi Industri.

Dalam sejarah evolusi muzium di Eropah, ternyata falsafah saintifik-sekularisme adalah begitu dominan. Pada zaman *Renaissance* (kurun 16–17 M), pada peringkat awalnya, benua Eropah telah dilanda dengan Zaman Kegelapan yang berlarutan sehingga kurun ke-13. Selama 800 tahun tiada aktiviti keilmuan yang berlangsung. Masyarakat Eropah memang menganuti agama Kristian yang dipengaruhi dengan fahaman animisme yang menjadikan masyarakat Eropah sebuah masyarakat yang ketinggalan dari segi penguasaan ilmu pengetahuan (Dampier 1948).

Mengikut Shaikh. Mohd Saifuddeen (2012), hal ini mula berubah pada kurun ke-13 apabila Robert Grosseteste (1175–1253) telah membawa masuk pengetahuan saintifik ke Eropah. Hal ini berlaku kerana pendedahan yang diperolehi beliau kepada hasil penulisan oleh Aristotle, Ibn al-Haitham dan Ibn Sina (980–1037). Antara pemikiran saintifik awal milik sarjana Islam; pertama, kesedaran agama dan sains tidak mempunyai masalah, bahkan agama menggalakkan usaha mengembangkan ilmu sains.

Kedua, kepentingan menggunakan akal fikiran untuk mendapatkan ilmu. Sumber ilmu adalah alam semesta yang perlu dikumpulkan untuk tujuan mendapatkan maklumat. Hal ini dapat dilakukan melalui penyelidikan saintifik yang bersandarkan pada pengumpulan bukti-bukti yang boleh dicerap, bersifat empirikal dan boleh diukur. Hal ini penting supaya pengetahuan yang diperolehi itu ialah pengetahuan yang boleh dipercayai. Ringkasnya, kaedah penyelidikan saintifik melibatkan proses pengumpulan data melalui pencerapan dan menjalankan eksperimen, di samping membentuk dan menguji hipotesis.

Falsafah pemikiran saintifik awal ini telah mendorong berlakunya usaha pengumpulan sumber alam telah dilakukan oleh golongan bangsawan. Sumber alam yang dikumpul telah disimpan dan dipamerkan dalam ruangan khusus yang dikenali sebagai '*cabinet of curiosities*'. Koleksi proto muzium ini diperolehi daripada kawasan luar Eropah seperti Afrika, Amerika, Asia, Timur Tengah dan Indo-Pakistan. Koleksi proto muzium ini terdiri daripada empat perkara, iaitu i) *naturalia* - *specimen* ciptaan tuhan; ii) artifak - objek ciptaan manusia; iii) barangan antik - objek mempunyai nilai sejarah dan iv) barangan etnografi - barangan eksotik daripada budaya asing (Corrin 1997).

Tujuan utama koleksi pada zaman ini adalah untuk bermegah dan mengangkat status pemilikinya. Koleksi yang dikumpul lebih ditumpukan pada objek yang unik seperti bahagian anggota badan haiwan, peralatan milik masyarakat asing dan objek unik yang jarang ditemui. Terpenting sekali, koleksi proto muzium ini diharapkan dapat menimbulkan sifat ingin tahu yang disertai kemudiannya dengan usaha penyelidikan lanjutan (Impey 1985). Tujuannya adalah untuk memperlihatkan pengalaman mereka bertemu, berinteraksi dan membangunkan masyarakat primitif yang dijajah.

Kemudiannya realiti ini berubah pada zaman *enlightenment* (kurun ke-17 dan ke-18 Masihi). Berbanding zaman sebelumnya, kaedah muzium pada zaman ini telah berubah menjadi semakin matang. Aktiviti muzium pada era ini dipengaruhi oleh falsafah pencerahan (*enlightenment*) yang berkembang di Eropah. Pada masa ini Britain telah menjadi kuasa global yang semakin kaya kerana terlibat dalam penjajahan di kebanyakan kawasan dunia. Britain juga terlibat secara langsung dalam perdagangan hamba di negara transatlantik (rentas benua antara Afrika-Atlantik). Falsafah ini mengandungi beberapa inti pati utama yang dijelmakan dalam aktiviti permuziuman. Falsafah ini telah menjadi roh dan pendorong kepada aktiviti muzium. Falsafah ini terdiri daripada: Pertama, kepercayaan yang tinggi diberikan kepada sains yang menekankan penggunaan akal saintifik dalam pemahaman sesuatu perkara tentang alam semula jadi. Perkara ini secara langsung menolak autoriti agama dan tradisi silam. Penekanan utama diberikan kepada pemikiran sains yang kononnya dapat memberikan penjelasan logik dan saintifik pada sesuatu perkara. Dalam segenap perkara, proses pembelajaran dan pemahaman sesuatu perkara perlu digunakan pendekatan sains iaitu melalui kaedah

mengumpul, mencatat, mengukur elemen fizikal, membentuk hipotesis yang kemudiannya akan diuji kebenaran hipotesis serta teori ilmu melalui pengujian yang berterusan. Kedua, falsafah *enlightenment* ini menuntut semua pihak perlu terlibat dalam kegiatan ilmu. keterlibatan ini sama ada sebagai pengajar, pencari ilmu, penyelidik dan penaja kepada usaha mencari ilmu. Program pencarian ilmu dianggap lebih berharga daripada usaha pencarian harta kekayaan. Masyarakat barat seperti British dan Perancis memaklumi bahawa dengan penggunaan ilmu mereka bakal dapat menguasai dan menjajah masyarakat lain, khususnya di luar Eropah seperti Afrika, timur tengah dan Asia.

Seiring dengan itu, terdapat tujuh disiplin ilmu yang berkembang pada masa ini. Kesemuanya telah diterapkan dalam aktiviti muzium yang terdiri daripada seperti berikut: 1) pengetahuan tentang alam semula jadi – khusus bidang botani, zoologi mineral. Kajian membabitkan bidang ini oleh pengkaji barat telah mengisi koleksi muzium barat; 2) arkeologi; 3) seni dan tamadun; 4) skrip (sistem tulisan) klasik; 5) agama; 6) perdagangan dan penemuan kawasan baharu, dan 7) Klasifikasi alam dunia.

Dalam semua aktiviti muzium yang melibatkan ketujuh-tujuh bidang ini perlu dilakukan melalui cara seperti berikut: Pertama, mengumpulkan semua aspek fizikal berupa objek, artifak, monumen dan manuskrip. Kedua, mencatat semua perkara asas tentang koleksi seperti latar belakang sejarah objek yang dikumpulkan di mana, oleh siapa, untuk tujuan apa kegunaan objek terbabit. Ketiga, mengklasifikasi koleksi muzium yang terkumpul kepada beberapa kategori tertentu untuk tujuan pemerolehan pengetahuan yang lebih mendalam.

Pembahagian koleksi muzium dibuat mengikut saintifik taksonomi yang dibahagi kepada bidang seni, sejarah dan sains. Penerangan setiap bahan disusun secara rasional yang mudah difahami oleh akal yang waras dan bukannya sekadar untuk bermegah kerana memiliki elemen misteri yang tidak logik.

Memang diakui bahawa tamadun ilmu di Eropah telah mencapai tahap yang tinggi. Namun begitu, menurut Shaikh Mohd Saifuddeen (2012), tamadun Eropah telah dibangunkan berdasarkan fahaman sekularisme. Fahaman ini berasaskan kepada; pertama, kebenaran itu diperolehi daripada sains dan akal rasional. Kedua, agama ialah elemen tidak saintifik yang perlu ditolak. Manusia hanya perlu bergantung pada diri manusia sendiri dan agama tidak boleh mencampuri urusan keduniaan seperti pemerintahan bernegara. Ketiga, tidak menerima kepercayaan kepada wujudnya alam akhirat. Keempat, kepercayaan bangsa Eropah (*caucasian*) lebih baik daripada bangsa bukan Eropah.

British yang diwakili oleh Syarikat India Timur British (EIC) yang terlibat dengan program kolonialisme memang berpegang kepada *worldview* kapitalisme. Kapitalisme ialah sistem ekonomi dan sosial yang berkembang di barat. Bahkan tamadun barat pada waktu itu dikenali dengan nama tamadun kapitalis (*capitalist civilization*). Tamadun barat itu berasaskan kepada *worldview* kapitalisme berupa kepercayaan, pemikiran dan pendekatan terhadap kaedah menguruskan ekonomi.

Semangat kapitalisme pegangan British menyatakan manusia sebagai *homo economicus* yang mempunyai sikap hati-hati, bijaksana, rajin dan bersungguh-sungguh dalam melakukan perniagaan. Dalam soal ini manusia perlu bergantung sepenuhnya kepada sifat ketamakan manusia tanpa ada campur tangan daripada agama. Semangat ini yang mendorong perkembangan kolonialisme di barat dalam era *mercantilisme* (1500–1750). Negara bangsa seperti British menetapkan dasar bahawa pihak swasta seperti EIC perlu diberikan kebebasan untuk memperkembangkan ekonomi. Ringkasnya, di sebalik semua perkembangan fizikal yang semakin baik, tetapi falsafah sekularisme-kapitalisme-kolonialisme telah menyebabkan pihak kolonial British menjadi bangsa yang kejam yang menjajah dan memerah hasil bumi serta bahan artifak milik pelbagai masyarakat tanah jajahan.

Memang terbukti bahawa tamadun British, khususnya *British Museum* telah dibina melalui jalan penindasan iaitu penjajahan ke atas bangsa asing. Isi kandungan *British Museum*

telah dipenuhi dengan hasil rampasan daripada masyarakat tanah jajahan British di seluruh dunia (Morgan 2015) Fakta ini terbukti dengan hasil dapatan kajian yang dibuat terhadap pengunjung di *British Museum*. Mereka mendapati bahawa pengunjung *British Museum* menyatakan koleksi *British Museum* diisi dengan hasil rompakan dan penindasan ke atas bangsa lain (Duthie 2011). Perkara ini dijelaskan oleh Frost (2019) seperti berikut:

*“Fascinating to see a lot of what is here but can’t help thinking that a lot of what you see was stolen from other countries – I was conflicted.....
Went to british museum to see some stolen stuff.’ ‘Everything in this museum is stolen from other countries. It is like a house of thievery done by colonists. But yeah, it looks good.”*

Falsafah Pasca-Kolonial dan Impaknya pada Muzium dan Konsep Kearifan Tempatan

Akibat penjajahan kuasa barat terhadap kebanyakan negara tanah jajahan, terdapat suatu bentuk hegemoni epistemologi yang beranggapan hanya ilmu milik barat sahaja yang paling betul. Perkara ini kononnya dihasilkan melalui falsafah barat saintifik yang bersifat *logico positivisme*.

Namun begitu, antara tahun 1960-an sehingga 1980-an, pandangan tentang dominasi keilmuan barat ini telah mula dicabar. Keilmuan barat ini telah dicabar dengan munculnya falsafah pasca-kolonial. Secara kasarnya, falsafah pasca-kolonial merujuk kepada pemikiran yang wujud selepas zaman penjajahan tamat (era antara tahun 1950-an sehingga 1970-an). Era pasca-kemerdekaan ini agak unik kerana era ini mampu menjana pelbagai elemen positif untuk pemikiran manusia, sedangkan hal ini tidak berlaku pada zaman sebelumnya.

Pemikiran pasca-kolonial adalah suatu bentuk falsafah pemikiran terpenting yang lahir bersamaan dengan munculnya kemerdekaan negara tanah jajahan negara barat di seluruh dunia. Pemikiran ini secara tidak langsung mencerminkan kematangan pemikiran masyarakat yang telah diberi status kemerdekaan (Mohamad Daud Mohamad & Zabidah Yahya 2005). Secara rinci, pasca-kolonial ini terdiri daripada kesedaran kemanusiaan selepas era penjajahan (kolonialisme) yang bertindak seperti berikut:

1. Pemikiran yang menterbalikkan ideologi kolonialisme. Memandangkan kolonialisme ialah falsafah politik yang menindas bangsa lain untuk kepentingan kewangan, maka pasca-kolonial berusaha melakukan rekonstruksi (membongkar dan menyusun semula). Kaedah ini cuba mendedahkan kepincangan ideologi kolonialisme barat. Lebih penting lagi, kaedah ini berusaha memperincikan cara falsafah dan metodologi kolonialisasi dilakukan.
2. Pendekatan yang melihat dunia daripada kaca mata golongan yang tertindas (*subaltern*). Pendekatan ini diutarakan oleh pemikir daripada benua Afrika dan India. Pendekatan ini mendedahkan sejarah daripada golongan bawahan yang tertindas. Mereka memainkan peranan utama dalam perjalanan sejarah tetapi peranan mereka dilupakan kerana penulisan sejarah biasanya penuh dengan agenda kolonial dan feudal. Dalam soal ini, Khairudin Juneid (2012) menegaskan bahawa pengasas semangat anti-kolonialisme sebenar ialah Dr Burhanudin Helmy dan bukannya tokoh-tokoh pembesar melayu yang merupakan klon British.
3. Pendekatan dekolonisasi iaitu membebaskan diri daripada warisan kolonial silam.
4. Pemikiran yang berusaha mengangkat ketinggian tamadun tempatan mengatasi tamadun barat. Dalam konteks pemikiran Islam, pemikiran ini merupakan

falsafah yang melihat sesuatu perkara daripada perspektif yang lebih holistik dan *wasatiyyah* yang mengambil kira elemen sejarah silam dalam merangka masa depan.

5. Pendekatan pemikiran yang bersifat kritikal (Syed Hussein Al-Attas 2005), selektif (Awang Azman Awang Pawi 2009), analitikal dan rasional. Antara lainnya, pendekatan ini cuba menilai sama ada neo-kolonialisme ataupun seumpamanya masih tetap berjalan ataupun tidak. Perkara yang jelasnya adalah pendekatan melawan penindasan ini bukan terhenti untuk zaman kolonial semata-mata tetapi perlu diaplikasikan hingga zaman selepas merdeka. Ringkasnya, falsafah Pasca-Kolonialisme telah memberi impak yang besar dalam bidang muzium dan kearifan tempatan.

Kemunculan Konsep Kesedaran Muzium Baharu

Sifat kedinamikan perkembangan ilmu muzium di zaman moden telah terserlah dengan munculnya konsep muzium baharu. Hal ini timbul apabila sarjana muzium barat melakukan proses analisis, ulang kaji dan penambahbaikan terhadap konsep muzium klasik. Semua berpunca daripada perubahan paradigma pemikiran falsafah barat iaitu dari era kolonial kepada era pasca-kolonial. Sarjana muzium barat sepakat bahawa andainya muzium ingin terus hidup, muzium perlu mengambil kira paradigma ini kerana masyarakat dunia bukan lagi didominasi oleh kuasa barat tetapi telah berubah kepada pasca-kolonialisme.

Hasilnya, sarjana pendukung konsep muzium baharu telah menilai secara kritis perkara yang telah dilakukan oleh dunia barat seperti: Pertama, impak negatif penjajahan dunia barat ke atas masyarakat lain. Antara impaknya ialah semua pandangan dalam bidang ilmu termasuk permuziuman di buat atas falsafah orientalisme dan eurosentrik; dan semua perkara dinilai daripada perspektif manusia barat. Hanya barat sahaja yang maju manakala masyarakat bukan barat dianggap mundur. Kedua, kezaliman masyarakat barat perlu didedahkan untuk pengetahuan masyarakat dunia. Hal ini dapat dilakukan melalui kaedah *Subaltern Studies* dan oksidentalisme. Konsep muzium baharu ini lahir di tahun 1980-an apabila sekelompok sarjana muzium sepakat mengkritik pendekatan muzium klasik yang lebih bersifat eksklusif (tertutup) dan tidak terbuka kepada masyarakat awam. Antara sarjana muzium yang mengkritik pendekatan muzium klasik ialah Peter Vergo dan Sharon Macdonald. Kedua-duanya terpengaruh dengan pemikiran falsafah pasca-modenisme yang dibawa oleh Edward Said, Foucault dan Bourdieu. Sebagai alternatif, mereka membawa gagasan eko-muzium yang merapatkan muzium dengan masyarakat (Poulot 1994). Kritikan mereka terhadap pendekatan muzium klasik dijelaskan oleh Hilde (2000) seperti berikut:

“New museology as a movement which highlighted the need for museums to critically etidak amine contemporary museum practices and theory. The movement sought to point out that museums had never been as neutral or unbiased as they had previously claimed to be. What new museology did was to look critically at the institutional history of museums and point out systems of power and knowledge authority that were tied to the practices regarding the museum’s collections and not hibitions.”

Kemudiannya, kesedaran muzium baharu ini turut terpengaruh dengan teori *counter colonialism*. Teori ini turut mempengaruhi kesemua bidang ilmu merangkumi sains, sastera, sejarah, pengajian Islam dan termasuk permuziuman. Pengasas terawal yang membawa idea teori *counter colonialism* ialah Edward Said. Bukunya yang bertajuk ‘*Orientalism*’ menjadi rujukan utama para sarjana *counter colonialism* ini.

Bagi Ahmad Farid Abd Jalal (2019), inti pati utama konsep muzium baharu ini terdiri daripada beberapa perkara yang membezakannya dengan konsep muzium klasik: Pertama, wujudnya usaha merapatkan hubungan muzium dengan masyarakat. Bagi konsep muzium baharu, selain berfungsi sebagai tempat menyimpan artifak, muzium menekankan pendekatan menjalinkan hubungan dengan masyarakat. Muzium lebih bercirikan mesra masyarakat (*community oriented*) dan para pengunjung bebas mengkaji dan mengkritik perkara yang dibentangkan oleh kurator. Muzium berkhidmat untuk memajukan pemikiran masyarakat. Perkara ini termasuk usaha menjadikan muzium sebagai medium untuk tujuan pendidikan dan negara bangsa. Sedangkan konsep muzium klasik menganggap muzium sebagai tempat penyimpanan artifak untuk dipamerkan bagi sesuatu matlamat tertentu iaitu seperti untuk menunjukkan prestij pemilikinya. Menurut Vergo (1989), muzium adalah bersifat eksklusif (tertutup) dan lebih terhad kepada usaha mengkaji dan mengklasifikasikan objek dan galeri dalaman muzium tanpa merapatkan diri dengan masyarakat. Kedua, falsafah yang mendasari muzium baharu ialah falsafah pasca-kolonialisme yang merupakan respons kepada kelemahan falsafah modenisme atau kolonialisme silam. Jadi, setiap objek dalam pameran perlu menggunakan tafsiran yang lebih kritikal seperti yang digariskan oleh Strydom (2017) seperti berikut:

1. Pendekatan oksidentalisme sebagai lawan kepada pendekatan orientalisme. Pendekatan ini adalah proses belajar dengan barat untuk mengetahui elemen positif dan negatif. Terpenting sekali, ia menekankan kepada usaha pembebasan (dekolonialisasi) muzium daripada pengaruh kolonialisme.
2. *Multicultural*; hidup masyarakat dunia adalah pelbagai. Jadi kita perlu mengakui nisbah kepelbagaian ini dengan memberikan penekanan pada usaha mengaitkan muzium dengan isu kemanusiaan, pendidikan, ICT, komunikasi dan kesedaran alam sekitar.
3. *Subaltern*; mengkaji sudut pandangan golongan kecil yang dipinggirkan.
4. Tafsiran yang lebih bersifat humanistik dalam soal membabitkan masyarakat bukan barat.

Hal ini berbeza sama sekali dengan konsep muzium klasik yang berasaskan falsafah kolonialisme dan eurosentrik yang merendahkan masyarakat bukan barat (Kraft 2018). Masyarakat tanah jajahan ialah objek bawahan yang hanya layak dijadikan bahan mati dalam pameran galeri muzium kolonial. Para sarjana falsafah kolonialisme dan eurosentrik menafikan sifat dinamisme masyarakat tanah jajahan kerana masyarakat tersebut dianggap bersifat histori, statik dan tidak boleh berubah ke arah yang lebih baik. Menurut Valley (2017), perkara-perkara yang ditonjolkan dalam muzium kolonial yang membabitkan masyarakat tanah jajahan adalah sifat-sifat yang dianggap kekal sampai bila-bila.

Ketiga, asas autoriti kurator muzium. Konsep muzium baharu percaya peranan kurator sebagai sarjana, penyelidik dan pendidik kepada masyarakat. Kurator perlu menjadi seorang sarjana yang pada masa yang sama juga seorang penyelidik yang sentiasa melakukan penyelidikan perpustakaan dan lapangan sebelum melakukan pemilihan tema dan objek yang ingin dipamerkan. Untuk konteks dunia moden, penyelidikan oleh kurator perlu dipersembahkan dengan bantuan teknologi moden. Kurator bertindak sebagai pendidik masyarakat iaitu dengan melakukan penyampaian dan pengajaran dalam bentuk sistem nilai baik dan data terkini kepada pengunjung. Penyampaian dan pengajaran tersebut mengambil kira teori pendidikan baharu dalam menyediakan sesuatu pameran: (a) teori belajar iaitu cara ilmu diperolehi atau ilmu berada dalam diri, dan (b) cara atau bentuk pameran harus dipersembahkan iaitu dengan menekankan penggunaan pemikiran kritis terhadap konsep muzium klasik. Namun, menurut Hooper-Greenhill (2000), hal yang sebaliknya dipegang oleh konsep muzium klasik kerana konsep ini hanya menganggap kurator seperti berikut:

1. Sebagai sumber autoriti yang membawa kepada kebenaran dalam aspek sains dan kemanusiaan.
2. Kurator bertindak sebagai alat atau ejen golongan atasan (penjajah). Kurator memaparkan falsafah penjajah dan hasil positif yang diperolehi daripada penjajahan.
3. Kurator memegang autoriti kebenaran. Kurator berperanan mengajarkan maklumat dan hakikat kebenaran kepada golongan kulit putih bahawa tamadun mereka adalah yang paling tinggi dan patut dikekalkan. Manakala tamadun bukan kulit putih ialah tamadun bertaraf rendah yang tidak layak untuk hidup. Untuk itu, golongan kulit putih berhak dan perlu memikul tanggungjawab mengajar tamadun kepada golongan bukan kulit putih melalui kempen penjajahan.

Akhir sekali, konsep muzium baharu ini menekankan keterikatan aktiviti muzium dengan etika yang khusus. Konsep muzium baharu ini mendapat dukungan istimewa ICOM yang menetapkan kurator muzium perlu terikat dengan syarat, piawaian dan etika khusus bagi memastikan kerja-kerja kurator lebih beretika dan menepati etika kemanusiaan sejagat (Edson 1997).

Falsafah Pasca-Kolonial dan Impaknya kepada Konsep Kearifan Tempatan

Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Jun 1992 mengenai alam sekitar dan pembangunan telah melahirkan Pengisytiharan Rio yang memberi perhatian khusus tentang pentingnya pengurusan alam sekitar dan kepelbagaian biologi dalam konteks pembangunan dan kesejahteraan masyarakat. Terpenting sekali, masyarakat dunia mula menyedari keunggulan kearifan tempatan milik masyarakat peribumi dalam aspek pengurusan alam (Mohd Istajib 2015). Sejak itu, masyarakat antarabangsa mula menolak dominasi teori ilmu barat dan lebih terbuka dengan teori ilmu milik peribumi (Nandhikkara 2015).

Mengikut Syed Farid Al-Attas (2012), konsep ilmu milik dunia akademik barat sebenarnya berasaskan daripada paradigma dan kerangka epistemologi ilmu sains sosial barat (positivisme sekular). Jadi, bagi sarjana barat semua masalah masyarakat dunia hanya mampu diselesaikan mengikut kerangka epistemologi barat. Kerangka epistemologi barat merujuk kepada beberapa pendekatan utama seperti yang berikut:

1. Paradigma yang memandang sesuatu masalah atau gejala dalam masyarakat mengikut *worldview* positivisme barat. Agama dianggap sebagai elemen yang tidak saintifik yang perlu diketepikan dalam proses mendapatkan ilmu. Lebih khusus lagi mereka membezakan antara konsep perkara agama dan bukan agama (Syed Farid Al-Attas 2001).
2. Bergantung sepenuhnya kepada teori binaan sarjana barat. Contohnya, tanpa banyak soal, konsep masyarakat plural yang dihasilkan sarjana kolonial barat diterima pakai untuk masyarakat Tanah Melayu tanpa mempersoalkan ketepatan teori ini (Naoki 2001).
3. Teori dan kerangka analisis ilmu barat (sains tulen dan sains sosial) diwartakan sebagai paling betul. Masalahnya ia telah ditiru oleh pengkaji peribumi sendiri (Rahimin Affandi 2003).

Sejak itu, pelbagai konsep ilmu milik masyarakat peribumi (bukan barat) mula dikaji oleh masyarakat antarabangsa. Di Malaysia sendiri, USM dan ASASI telah menumpukan

kajian memperinci kearifan tempatan Melayu. Dalam kalangan penyelidik pengajian Islam juga kajian yang membabitkan konsep *uruf* memang banyak dihasilkan (Anuar Ramli 2002). Cuma, kajian-kajian tersebut tidak mengaitkannya secara langsung dengan konsep kearifan tempatan Melayu yang menyebabkan keunggulan kearifan tempatan Melayu menjadi terpinggir.

Teori Muzium Baharu Berasaskan Kearifan Tempatan Melayu Islam

Secara dasarnya, bertentangan dengan teori muzium barat, kita boleh mengemukakan beberapa teori muzium berasaskan realiti kearifan tempatan alam Melayu.

Istana Diraja Melayu Berfungsi Sebagai Muzium

Konsep muzium memang berasal daripada budaya Eropah yang ditiru oleh umat Islam selepas merdeka. Namun begitu, dakwaan bahawa budaya muzium sebagai milik Eropah adalah tidak betul. Hal ini ditegaskan kerana budaya seumpama muzium memang wujud dalam semua budaya masyarakat dunia. Budaya muzium merangkumi budaya Yunani, Mesir, China, Jepun dan Melayu sendiri. Mengikut Ahmad Farid Abd Jalal (2019), istana raja-raja Melayu pernah berfungsi sebagai separa muzium yang dijadikan pusat mengumpul khazanah ilmu dan artifak berharga masyarakat Melayu. Memang diakui bahawa konsep museologi Islam belum lagi wujud. Namun begitu, perkara ini bukan bermakna Islam tidak mempunyai formula atau peraturan membabitkan institusi seumpama muzium. Sebenarnya Islam telah pun mempunyai falsafah dan peraturan terbabit yang sayangnya belum lagi disusun mengikut skema ilmu muzium moden.

Sarjana muzium moden seperti John Edward Simmons (2017) mengakui bahawa sumbangan penting diberikan oleh sarjana Islam untuk pertumbuhan asas disiplin museologi. Tegasnya, pada kurun ke-12 dan ke-13 Masihi, sarjana Islam telah menghasilkan karya yang memperincikan konsep klasifikasi atau taksnomi objek dan artifak alam semula jadi. Karya ini dipergunakan oleh pengumpul awal muzium yang terkenal dengan nama '*cabinet of curiosities*'. Sebelum itu, objek-objek di muzium disusun secara rawak yang berasaskan mitos semata-mata, yang kemudiannya berkembang disusun mengikut pelbagai klasifikasi ilmu yang khusus. Perkara ini diulas oleh Simmons (2017) seperti berikut:

“Between approximately 900 and 1200 CE, a great intellectual awakening took place in the Middle East, including the translation of many Greek texts into Arabic and the development of extensive archives and collections of artistic works. At this time, an Arabic collecting tradition was formalized by the Islamic concept of property given for the public good and the donation of objects, similar to the deposition of objects in the treasuries of Greek temples. The work of the Islamic scholars did not reach Europe until the twelfth or thirteenth centuries when the Arabic texts and the Arabic translations of Greek texts were translated into Latin. These translations initiated an admiration for the works of classical antiquity in Europe, which in turn spurred the growth of private collections and encouraged several popes, princes, and other wealthy citizens to fund the excavations of classical sites, particularly between about 1450 and 1550. This is the period when the first cabinets of curiosities (also called Kunst- or Wunderkammern) appeared in Europe.”

Dalam Masyarakat Melayu, istana diraja Melayu telah berfungsi sebagai separa muzium. Perkara yang jelas ialah istana menjadi penjaga koleksi artifak dan manuskrip melayu sebelum wujudnya muzium kolonial. Semua koleksi yang terdapat di muzium pada zaman

moden berasal daripada istana. Istana telah berfungsi sebagai ‘muzium kuno’ yang memainkan peranan sebagai sebuah institusi yang penting dalam memelihara dan menjaga khazanah warisan bangsa sama ada nyata dan juga tidak nyata. Terdapat beberapa contoh bangunan istana ditukar menjadi muzium di Malaysia. Antaranya ialah: Pertama, Istana Besar Johor (1866) yang dijadikan Muzium Diraja Abu Bakar, Johor pada 1982. Kedua, Istana Kenangan, Istana Lembah dan Istana Tepas, Perak (1926) yang dijadikan sebagai Muzium Diraja Kuala Kangsar pada 16 November 1986. Ketiga, Istana Kota Beram (1948) yang dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang pada 17 Mac 1976. Keempat, Istana Batu, Kelantan (1939) yang dijadikan Muzium Diraja pada 25 Julai 1991. Kelima, Istana Lama Seri Menanti, Negeri Sembilan (1908) dirasmikan sebagai Muzium Diraja pada 14 Julai 1992 bersamaan 14 Muharram 1413 Hijrah. Keenam, Istana Negara Lama, Kuala Lumpur (1957) dijadikan Muzium Diraja pada 1 Februari 2013 sehingga kini.

Istana telah memainkan peranan menjaga khazanah manuskrip Melayu. Sebagai contoh karya *Sulalatus Salatin*, *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Pahang*, *Hukum Kanun Melaka*, *Hukum Kanun Pahang*, kitab-kitab agama dan lain-lain. Daripada karya-karya manuskrip yang dikelola oleh institusi diraja ini, kita dapat mengetahui banyak perkara berkaitan khazanah warisan bangsa.

Secara jelas, istana berfungsi sebagai separa muzium yang menjadi sebuah gedung bagi segala sumber ilmu pengetahuan dan tempat simpanan artifak warisan Melayu berharga yang menjadi lambang ketinggian tamadun alam Melayu ketika itu. Antara artifak tersebut adalah seperti penulisan hikayat dan hukum kanun oleh jurutulis sultan; alat kebesaran diraja; instrumen-instrumen muzik seperti gamelan, nobat dan nafiri; koleksi senjata Melayu tradisi seperti keris; dan, tekstil persalinan golongan bangsawan seperti tenun dan songket yang berkualiti tinggi pembuatannya (Ahmad Farid Abd Jalal et al. 2021).

Penolakan Teori Bahawa Islam Sebagai Agama yang Anti-Muzium

Terdapat satu teori utama yang dikemukakan oleh sarjana Barat yang menyatakan bahawa Islam dianggap sebagai agama yang menentang muzium. Teori ini didasarkan pada fakta kewujudan golongan ekstremis yang terlibat dalam pemusnahan warisan sejarah, termasuk muzium. Tindakan pemusnahan ini seperti yang dilakukan oleh Daesh dan Taliban di Afghanistan, Syria, dan Iraq yang telah dilabelkan oleh pihak UNESCO dan ICOM sebagai contoh sifat anti-muzium dalam kalangan golongan ekstremis ini (Cloud 2016). Dalam konteks ini, “anti” merujuk kepada anggapan bahawa Islam menentang keras institusi dan fungsi muzium yang melibatkan tiga aspek utama, iaitu menjaga, mengkaji dan mempamerkan warisan sejarah, baik yang nyata mahupun tidak nyata. Disebabkan tindakan oleh Daesh dan Taliban itulah maka media barat sering melabel Islam sebagai agama yang sering memusuhi semua elemen yang datang daripada tamadun Barat, termasuk muzium.

Selain Daesh dan Taliban, golongan yang mengikuti aliran wahabi atau salafi juga dilihat cenderung untuk memusuhi muzium yang mempamerkan artifak-artifak sejarah kerana mereka mahu mengelakkan tindakan pendewaan melampau terhadap tokoh-tokoh sejarah silam yang dipamerkan di muzium-muzium. Mereka berpendapat bahawa tindakan pendewaan ini berpotensi untuk menghidupkan berhala baharu yang akan menyebabkan penyebaran amalan syirik dalam masyarakat (Elaskary 2017). Bagi mereka, semua monumen sejarah, termasuk yang dimiliki oleh umat Islam adalah berbahaya kerana berkemungkinan dijadikan objek pemujaan yang akhirnya akan membawa kepada perbuatan syirik (Al-Zahrani 2016).

Walau bagaimanapun, hujah-hujah penolakan oleh golongan wahabi atau salafi ini terhadap artifak-artifak yang dipamerkan di muzium boleh ditolak. Hal ini demikian kerana usaha atau langkah yang mengambil model-model dari barat secara kritis untuk kepentingan umat Islam adalah tidaklah salah. Perkara ini pernah terjadi dalam tradisi dalam sejarah Islam iaitu apabila ilmu dan hasil daripada tamadun Yunani telah diterima, disaring dan digabungkan

dengan falsafah Islam lalu menghasilkan sintesis sains Islam. Justeru, pegangan golongan wahabi atau salafi terhadap falsafah *Wala Wa Baraah* (pengharaman berpegang pada falsafah asing) boleh menimbulkan persepsi bahawa Islam merupakan agama yang perkauman dan memusuhi agama selain daripada Islam. Pendekatan ini bertentangan dengan konsep *wasatiyyah* dan sifat *Rahman Rahim* yang perlu dipelajari daripada *Asma Allah*.

Pandangan yang dipegang oleh golongan wahabi dan salafi seperti ini dilihat berat sebelah kerana pandangan sedemikian lebih bersifat *self-truth claim* iaitu kepercayaan bahawa hanya pandangan mereka yang sah sedangkan pandangan orang lain dianggap salah. Selain itu, pandangan sedemikian seolah-olah memandang rendah terhadap kebolehan akal manusia dalam menilai dan menyelesaikan masalah secara rasional. Padahal, akal manusia mampu berfikir secara selektif dalam menghadapi isu-isu yang kompleks.

Bagi fuqaha Islam, terdapat beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan dalam memahami hukum terhadap seni dan warisan sejarah. Akal manusia boleh berfungsi dalam tiga aspek berikut: Pertama, memahami maksud dan sebab musabab sesuatu perkara disyariatkan atau diharamkan. Kedua, memilih dan menapis serta bersikap selektif terhadap perkara-perkara baharu. Ketiga, menghasilkan karya seni yang menerapkan pendekatan selektif, iaitu membuang elemen haram dan mengekalkan elemen yang baik. Ijmak para sarjana Islam dalam persidangan Doha (Al-Ansari 2001) juga menyatakan bahawa kita tidak sepatutnya memandang rendah atau menghancurkan warisan tamadun silam (pra-Islam) kerana beberapa sebab seperti yang digariskan oleh Gharib (2017) seperti yang berikut:

1. **Kepelbagaian tamadun:** Kita perlu terbuka menerima kewujudan tamadun silam yang dibangunkan oleh umat manusia, termasuk golongan bukan Islam.
2. **Sumber ilmu:** Tamadun silam boleh menjadi sumber ilmu yang bermanfaat. Sebagai contoh, generasi akan datang boleh mempelajari bagaimana dan untuk tujuan apa tamadun Piramid di Mesir dibangunkan.
3. **Memelihara sejarah:** Warisan tamadun silam, termasuk yang dimiliki oleh bukan Islam, perlu dijaga untuk memastikan sejarah tidak hilang.
4. **Nilai sejarah:** Nilai sejarah sesuatu artifak perlu dipertahankan kerana ia mengingatkan kita akan peristiwa sejarah yang penting. Jika tanda sejarah ini dihapuskan, manusia mungkin akan melupakan peristiwa tersebut. Nilai sejarah juga mengandungi iktibar dan pengajaran yang berharga.

Penolakan Teori Bahawa Islam Tidak Mengamalkan Pendekatan Mesra Muzium

Apabila penjajah barat menjajah negara-negara yang didiami oleh umat Islam, mereka mendapati umat Islam memiliki koleksi artifak, objek, monumen dan manuskrip ilmu yang besar. Koleksi artifak ini membuktikan keunggulan tamadun umat Islam, sedangkan pihak kolonial mempromosikan teori evolusi yang mencanangkan bahawa tamadun Barat berada dalam hierarki tamadun manusia yang tertinggi. Fakta ini terpakai dalam kes Mesir dan alam Melayu. Penjajah British di alam Melayu dan Perancis di Mesir memutarbelitkan fakta seperti berikut: Pertama, Islam dikatakan sebagai agama yang lahir daripada budaya padang pasir yang tidak bertamadun. Islam bersifat fanatik yang tidak memberikan apa-apa sumbangan ketamadunan. Umat Islam mewarisi tamadun pra-Islam tetapi gagal untuk memanfaatkannya, apatah lagi menjaganya. Hal ini berlaku kerana memang sifat Islam itu yang memusuhi dan bakal memusnahkan semua unsur-unsur bukan Islam. Kononnya hanya selepas pihak penjajah barat datang, barulah semua warisan nyata dan tidak nyata pra-Islam terjaga dengan baik (Mahdy 2019).

Kedua, Islam tidak memberikan apa-apa impak positif kepada masyarakat. Dalam kes

di Tanah Melayu, Raffles (1817) mengeluarkan pandangan bahawa andainya tradisi Hindu masih berkuasa sudah pasti tamadun Melayu akan menjadi maju. Hal ini terbukti dengan wujudnya monumen Hindu seperti Candi Borobudur yang sangat hebat. Sedangkan Islam tidak mempunyai semua monumen ini. Dalam banyak hal, beliau menghargai budaya Hindu yang menekankan kasta kerana ketaatan masyarakat bawahan kepada kasta atasan akan memudahkan kuasa British menguasai politik dan ekonomi masyarakat tanah jajahan. Lebih penting lagi, dalam agama Hindu tiada fahaman jihad melawan penjajah yang bakal menjejaskan kuasa penjajah British (Rahimin Affandi & Siti Maimunah 2017). Jadi, bagi dunia muzium selepas merdeka, tersebar dakwaan bahawa pihak penjajah barat memperkenalkan konsep pemuliharaan (*conservation*) dan muzium pada umat Islam.

Pengenalan kepada pemuliharaan dan muzium ini dibuat kerana kononnya Islam tidak memiliki kesedaran menjaga warisan sejarah yang ditekankan oleh muzium moden. Hal ini ditegaskan oleh Mahdy (2019) dengan katanya seperti yang berikut:

“Arabic-Islamic conservation traditions have developed over more than fourteen centuries and reached a high level of sophistication in preserving cultural heritage, with a great emphasis on intangible heritage, particularly the “word” both oral and written, including religious texts such as the Qur’an and hadith (the Prophet’s sayings), and secular texts including poetry and prose. However, these traditions have been marginalized and ignored by modern conservation practices, which were first introduced to the Arab region by European colonizers and Orientalists, and later adopted by Arabs and Muslims specializing in heritage-related fields. Prevailing Eurocentric theories and practices of the international conservation movement since the mid-twentieth century encouraged the continuation of separate approaches to intangible and tangible heritage, and the exclusion of Arab-Islamic traditions of conservation from approaches and methods of tangible cultural heritage. This may explain why for many decades local communities and various stakeholders were indifferent or even hostile to professionally conserved, managed, and presented cultural heritage in the Arab region.”

Menurut Pieter De Jong (2020), syarat pengekal nilai sejarah ditekankan oleh Islam. Mengikut Islam, sesuatu artifak itu bakal mewakili sesuatu peristiwa sejarah yang melatari penciptaan artifak. Melalui artifak juga dapat memperingatkan kita tentang sesuatu peristiwa sejarah. Kehilangan artifak terbabit bakal menyebabkan peristiwa sejarah itu dilupai. Lebih penting lagi, artifak menjadi bukti atau rekod sejarah tentang sesuatu peristiwa.

Kepentingan konservasi bahan sejarah seperti bahan ilmu, teks Al-Quran dan hadis amat dititikberatkan dalam Islam. Hal ini dilakukan demi untuk: Pertama, menjamin kesinambungan dan ingatan kepada sumber Islam untuk generasi akan datang. Islam mengakui kewujudan dua generasi iaitu *salaf* dan *khalaf*. Semua amalan dan formula ilmu generasi *salaf* yang dikenali sebagai *turath* wajib dipertahankan. Atas sebab itu, Islam menekankan elemen kemampanan yang boleh dimanfaatkan untuk umat Islam di setiap generasi. Kedua, usaha menjamin ketepatan fakta dan menekankan elemen kebenaran. Hal ini terbukti apabila ilmu *mustalah* hadis sangat menekankan isu ketepatan fakta ini (Siti Fahimah 2014). Islam bukan setakat mengharuskan konservasi artifak untuk muzium, bahkan turut mewajibkan konservasi ini. Perkara yang jelas di sini ialah peranan muzim bukan terhenti kepada artifak keagamaan semata-mata, tetapi dipanjangkan juga kepada artifak-artifak yang bukan keagamaan.

Kesimpulan

Sebagai rumusan akhir, beberapa perkara utama yang didapati melalui perbincangan dalam penulisan ini ialah: Pertama, institusi muzium merupakan hasil kearifan tempatan manusia yang berusaha mengumpul, menjaga, mempelajari dan mempamerkan warisan sejarah milik sesuatu masyarakat. Muzium merupakan tamadun tertinggi milik manusia yang dimiliki oleh kebanyakan negara zaman moden. Kedua, evolusi sejarah muzium moden bermula dalam masyarakat Eropah berasaskan kepada falsafah saintifik dan faham sekularisme. Hal ini kemudiannya berubah dengan kemunculan falsafah pasca-kolonialisme. Perkara ini memberi impak yang besar kepada institusi muzium dan konsep kearifan tempatan. Ketiga, sudah tiba masanya untuk masyarakat Islam di Malaysia mengemukakan teori muzium baharu berasaskan kearifan tempatan Melayu Islam. Teori ini perlu lebih kritikal dengan teori museologi barat dalam menampilkan ajaran Islam yang lebih bersifat mesra muzium.

Penghargaan

Para penulis berterima kasih kepada para penilai tanpa nama yang dilantik oleh MJHA atas komen-komen membina bagi menambah baik penulisan manuskrip ini.

Rujukan

- Ab Samad Kechot. 2012. Pendidikan Warisan Di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space* 8(8): 35–46.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak & Awang Azman Awang Pawi. 2021. Pengalaman pameran muzium Islam di muzium semasa: satu pengenalan, *Ideology Journal* 6(1). pp. 49–64.
- Ahmad Farid Abd Jalal. 2017. Pengaruh Ilmu Kolonial Dalam Permuziuman Di Malaysia: Satu Analisis sistem, *E-Academia Journal*, Volume 6(1): 127–141.
- Ahmad Farid Abd Jalal. 2019. Kesedaran Muzium Baru Di Malaysia, *Jurnal Melayu Sedunia*, Vol 2(1): 93–111.
- Al-Ansari, Abdul Hamid. 2001. Islam and the preservation of the human heritage. Proceedings of the Doha Conference Of ‘Ulamâ On Islam And Cultural Heritage, Doha, Qatar, 30–31 December 2001, 27–33.
- Al-Zahrani, Damna A. 2016. Heritage, conservation and good governance enhancing the heritage law framework in Saudi Arabia. Tesis Kedoktoran untuk University of Western Australia, 57–64.
- Anuar Ramli. 2002. Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Sosial Dalam Kebudayaan Malaysia, Tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM dan Mohd Fauzi bin Audzir (2002), *Uruf Tempatan Di Negeri Kedah Dan Kesannya Terhadap Perubahan Hukum: Satu Analisis*, Tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM.
- Awang Azman Awang Pawi. 2009. Menulis Dengan Budaya Pascakolonial: Analisis Catatan Kembara, *Jurnal Pengajian Media*: 133–148.
- Byrne, Alex. 2015. Institutional Memory And Memory Institutions, *The Australian Library Journal* 64(4): 1–11.
- Cloud, Morgan. 2016. *Bulldozers in the Desert: The Framing of Cultural Heritage Destruction in Palmyra in 2015*. tesis master of sains di George Mason University, University of Malta.
- Dampier, W.C. 1948. *A History Of Science And Its Relations With Philosophy And Religion*. Cambridge: Cambridge University Press.
- De Jong, Pieter. 2020. *Theology in Conservation: An Exploration of Christian and Islamic*

- Theology Regarding Conservation Theory and Conservation of Churches and Mosques*. (Disertasi). University of York.
- Duthie, Emily. 2011. The British Museum: An Imperial Museum In A Post-Imperial World, *Public History Review*, Vol 18, h. 12–25.
- Edson, Gary. 1997. *Museum Ethics*. Routledge: London And New York.
- Elaskary, Mohamed. 2017. Death, resurrection, and shrine visitations: An Islamic perspective. *Religions*, 1–11.
- Frost, Stuart. 2019. ‘*A Bastion of Colonialism*’, Third Text, DOI: 10.1080/09528822.2019.1653075.
- Gharib, Rahib. 2017. Preservation of built heritage: An Islamic perspective. *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development*, 7(4), 366–380.
- Hedstrom, Margaret & John L. King. 2003. On the LAM: Libraries, Archive, and Museum Collections in the *Creation and Maintenance of Knowledge Communities*. Paris: Organisation for Economic Co-Operation and Development. Available at: <https://www.oecd.org/education/innovation-education/32126054.pdf>.
- Hooper-Greenhill, Eilean. 2000. *Museums And The Interpretation Of Visual Culture*. London & New York: Routledge, h. 133.
- Howard, Katherine. 2015. *Educating Cultural Heritage Information Professionals For Australia’s Galleries, Libraries, Archives And Museums: A Grounded Delphi Study*, tesis doktoran untuk Queensland University of Technology.
- Impey, Oliver and Arthur MacGregor. 1985. eds., *The Origins of Museums: The Cabinet of Curiosities in Sixteenth and Seventeenth Century Europe*. Oxford: Clarendon Press, h. 2.
- Khairudin Juneid. 2012. Theorising Colonialism In The Malay World, Zawawi Ibrahim (ed.), *Social Science and Knowledge in a Globalizing World*, Petaling Jaya: PSSM, h. 201–218.
- Kraft, Sarah. 2018. *Acknowledging The Colonial Past: Display Methods Of Ethnographic Objects*, Master Of Arts In Museum Professions, Seton Hall University, h. 1–9.
- Lorente, Jesu’S-Pedro. 2012. The Development Of Museum Studies In Universities: From Technical Training To Critical Museology, *Museum Management And Curatorship*, Vol. 27(3): 237–252.
- Corrin, Lisa Graziose. 1997. *A Natural History of Wonder and a Wonderful History of Nature*, dalam Mark Dion, ed. Lisa Graziose Corrin, Miwon Kwon, and Norman Bryson, London: Phaidon Press Ltd, h. 57.
- Mahdy, H. 2019. Is conservation of cultural heritage halal? Perspectives on heritage values rooted in Arabic-Islamic Traditions. In Erica Avrami, Susan Macdonald, Randall Mason, David Myers (Eds.). *Values in Heritage Management Emerging Approaches and Research Directions*. The Getty Conservation Institute, Los Angeles.
- Mohamad Daud Mohamad & Zabidah Yahya. 2005. *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Istajib Bin Mokhtar. 2015. *Konservasi Biodiversiti Menurut Etika-Perundangan Islam: Kajian Terhadap Kawasan Perlindungan Di Malaysia*, Tesis Phd Untuk Jabatan Syariah Dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Morgan, Charlotte. 2015. *In The Name Of The Empire: How Collections Were Used In The 18th And 19th Centuries To Strengthen Britain’s International Powerbase*, tesis PhD untuk University of Leicester, h. 17–20.
- Nandhikkara, Jose. 2015. *Environmental Interface Literature, Law, Science and Philosophy*. Dharmaram Publications: Bengauru.
- Naoki, Soda. 2001. The Malay World In Text Books: The Transmission Of Colonial Knowledge In British Malaya. *Southeast Asian Studies*, v. 39(2): 188–230.

- Poulot, Dominique. 1994. Identity As Self-Discovery: The Ecomuseum In France, dalam Daniel J. Sherman & Irit Rogoff (Eds). *Museum Culture: Histories Discourses Spectacles*. University of Minnesota Press: Minneapolis, h. 66–84.
- Raffles, Sir Thomas Stamford. 1817. *The History of Java*. London: John Murray, Albemarle-Street.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2003. “Pengamalan Ilmu Usul Al-Fiqh Di Dalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisa”. Dalam Muhammad Mokhtar Hassan (ed.) *Kesusasteraan dan Undang-Undang*. Penerbitan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: 158–179.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim & Siti Maimunah Kahal. 2017. Ilmu kolonial dan Islamisasi alam melayu: Analisis kritikal. *Jurnal Sejarah*, 26(1), 33–49.
- Shaikh Mohd Saifuddeen Bin Shaikh Mohd Salleh. 2012. *Tipologi Interaksi Antara agama Dan Sains: Satu Penilaian Dan Cadangan Menurut Perspektif Islami*. Tesis Ph.D Untuk Fakulti Sains Universiti Malaya Kuala Lumpur, h. 80–89.
- ShawHong SER. 2020. Museums And Tourism: Reengineering The Role Of Museums In Malaysia’s Cultural Heritage Tourism, *Journal Business Economic, Communication, And Social Sciences*, Vol.2(1) No.1: 145–157.
- Simmons, John Edward. 2017. History of Museums, *Encyclopedia of Library and Information Sciences*, Fourth Edition DOI: 10.1081/E-EISA-120053547.
- Siti Fahimah. 2014. Sistem Isnad dan Otentisitas Hadits: Kajian Orientalis dan Gugatan Atasnya. *Ulul Albab*. 15(2): 207–220.
- Strydom, Carlyn. 2017. *The Role Of National Museums In South Africa: A Critical Investigation Into Iziko Museums Of South Africa Focusing On The Representation Of Slavery*, Tesis Sarjana Untuk University Of Cape Town, h. 39–50.
- Syed Farid Al-Attas. 2001. Alternative Discourse In Southeast Asia, *SARI* 19: 49-67.
- Syed Farid Al-Attas. 2012. Orientalisme dalam Pengkajian Sejarah Alam Melayu, *SOCIA*, v. 11, no. 2, h. 245–256.
- Syed Hussein Al-Attas. 2005. “Watak Tertawan Di Negara Membangun”. Dalam Edit Oleh Mohamad Daud Mohamad *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: DBP, h. 2–10.
- Valley, Greer. 2017. *Confronting The Museum’s Colonial Past: Towards New Strategies Of Institutional Critiqu*. Tesis Sarjana Untuk University Of Stellenbosch, h. 10–35.
- Vergo, Peter. 1989. *The New Museology*. London: Reaktion Books.